



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTRA)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf Bumiputra yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** mengikut kod bidang yang berkaitan yang masih tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MBJB/K/ 9/2018 (TENDER SEMULA)	<p>Membekal, menguji dan menghantar dua (2) buah lori "Skylift Telescopic" atas badan 8 tan untuk kegunaan Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap, Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 20.5.2018(Ahad) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Unit Mekanikal, Bahagian Bengkel Kejuruteraan, Jabatan Kejuruteraan, PTD 60548, Tmn Mount Austin, Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup Tender : 12.6.2018(Selasa) Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBJB/U/2017/61/PRL/M/5</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>20.5.2018 hingga 10.6.2018</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia(KKM) Kod Bidang : 110104 (Lori) ATAU 110201 (Jentera Berat) DAN 110199 (Pembuat)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</p>

<p>MBJB/K/ 37/2018</p>	<p>Kerja-Kerja Membekal, Menanam Dan Menyelenggara Anak Pokok Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan</p> <p>Tarikh Taklimat : 20.5.2018(Ahad) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap, Pejabat Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 12.6.2018(Selasa) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBJB/U/2018/42/PRL/PB/12</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>20.5.2018 hingga 10.6.2018</p>	<p>CIDB Gred : G4 Kategori: CE Pengkhususan: CE14</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</p>
<p>MBJB/K/ 38/2018</p>	<p>Membekal, Menghantar Dan Menanam Pokok Bermusim 'Annual' Di Kawasan Laman Mahkota Dan Laman Serene, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan</p> <p>Tarikh Taklimat : 20.5.2018(Ahad) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap, Pejabat Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru</p> <p>Jam : 2.30 petang Tarikh Tutup : 12.6.2018(Selasa) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBJB/U/2017/42/PRL/PB/89</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>20.5.2018 hingga 10.6.2018</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori: CE Pengkhususan: CE14</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</p>

<p>MBJB/K/ 39/2018</p>	<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Padang Bola Sepak Di Jalan Keris 15, Taman Puteri Wangsa, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 21.5.2018(Isnin) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap, Pejabat Hutan Bandar, Jalan Tasek Utara, Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 12.6.2018(Selasa) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2017/42/PRO/PJ/2</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>21.5.2018 hingga 10.6.2018</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori: CE Pengkhususan: CE14 DAN CE21</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</p>
<p>MBJB/K/ 40/2018</p>	<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Tandas Awam Dan Bangunan Pejabat Penguatkuasaan, Cawangan Jalan Segget, Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 21.5.2018(Isnin) & Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Projek Bangunan, Jabatan Bangunan, Aras 4, Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 2.30 petang Tarikh Tutup : 12.6.2018(Selasa) Tender</p> <p>Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2016/11/PRO/13</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>21.5.2018 hingga 10.6.2018</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori: B Pengkhususan: B04 DAN B28</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)</p>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Berkenaan** semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 11.5.2018 (Jumaat)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu ***www.mbjb.gov.my***
3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No. 7), Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai tarikh yang ditetapkan di atas .
4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat** di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) SAHAJA DIBENARKAN hadir ke taklimat di pejabat DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
5. Penender **DIWAJIBKAN** untuk **mendaftar syarikat secara dalam talian** menggunakan sistem I-perolehan sebelum hari taklimat diadakan melalui laman sesawang ***https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan***. Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari taklimat akibat tidak mendaftar adalah di bawah tanggungan pihak penender sendiri. *Sila abaikan syarat ini jika syarikat telah berdaftar*
6. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pos di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
 - 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 7.3 Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)
 - 7.4 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
8. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari** pada **12.6.2018(Selasa)**.

9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum **12.00 tengahari pada tarikh tutup** yang di tetapkan di atas.

10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

(HAJI AMRAN BIN A.RAHMAN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

JFF1/nz/skjan tender 2015